

PM: Kenaikan gaji sektor swasta dan awam perlu seimbang

BANGI 7 Jan. — Dato' Sri Dr. Mahahir Mohamad menegaskan, kenaikan gaji para pekerja sama ada di sektor swasta atau awam hendaklah seimbang dengan peningkatan produktiviti.

Katanya, kenaikan gaji tanpa peningkatan produktiviti akan mengakibatkan keadaan ekonomi yang akhirnya tidak membawa apa-apa makna kepada kenaikan gaji.

Berucap di majlis perasmian program pengurusan bank-bank di Institut Latihan Pengurusan Petronas di sini, beliau menjelaskan, para pekerja dan majikan harus faham tentang keadaan ini kerana kenaikan gaji boleh mengakibatkan inflasi yang merugikan semua pihak.

Bagaimanapun, katanya, kenaikan gaji yang berlaku hasil daripada peningkatan produktiviti tidak sepatutnya dihalang oleh pihak pengurusan atau majikan.

"Kerajaan memang sentiasa senang hati melihat gaji para pekerja di negara ini meningkat bersama dengan produktiviti," tambahnya.

Menurut beliau, kenaikan gaji tidak harus dipandang buruk dari segi ekonomi kerana ia boleh meninggikan kuasa membeli dan seterusnya meningkatkan kekayaan negara.

Mengenai ekonomi negara, beliau menjelaskan bahawa ekonomi Malaysia dijangka terus menerus cemerlang dalam tahun ini walaupun aktiviti perdagangan dunia dijangka lembab.

Katanya, setelah negara berjaya melalui beberapa gangguan ekonomi di awal krisis Teluk, Malaysia kini boleh menikmati keuntungan besar dalam penjualan minyak mentah.

"Dengan pengeluaran negara yang semakin meningkat sejak tahun 1988 adalah dipercayai kekuatan ekonomi yang

ada akan terus cemerlang untuk tempoh satu atau dua tahun lagi," tambahnya.

Menyentuh tentang projek penswastaan, katanya, pengalaman yang ada menunjukkan projek penswastaan menguntungkan dan kerajaan akan terus melaksanakannya sebanyak mungkin.

Dalam hal ini, tegasnya, wang kerajaan hanya akan dibelanjakan untuk pembangunan infrastruktur yang tidak berbentuk komersial seperti jalan raya di luar bandar, sekolah dan klinik.

"Manakala bidang perindustrian, pelabuhan, lapangan terbang dan jalan tol akan dibina oleh syarikat swasta serta melibatkan mereka yang menggunakan kemudahan itu secara langsung," jelasnya.